particular juncture; on the other hand I can say that at no time have we considered ourselves unfriendly to Indonesia. If the Honourable Member will remember, or at least he will try to recollect, we had gone out of our way to mediate between the Dutch and Indonesia over the West Irian issue. If Indonesia did not appreciate the part we played, help given, it is not our fault, but I can tell the House here that we have done it at Indonesia's bidding and the term for a settlement was the term agreed to by Indonesia. We have also a treaty of friendship with Indonesia and it is not for us to make light of this treaty because we realise we have very close blood relation with Indonesia, and we have done nothing to provoke Indonesia at any time.

With regard to the question he raised about Kashmir, it is unrelated to the Sino-Indian border dispute. It is important to assess the different situation in accordance with varying attendant circumstances. There has never been an open quarrel between India and Pakistan over the Kashmir issue, and it is not for us to take sides in an issue which concerns our two friends unless our service is required by them to help settle the quarrel. On the other hand, I can assure the Honourable Member that I do not ignore the fact that there exists between the two countries bad blood over the Kashmir issue. I said, when I was in India, that Malaya was ready, when called upon, to work together with the other Commonwealth countries in order to bring about an honourable and equitable settlement of that issue particularly at this moment when both countries recognise the threat from Communist China. You will have seen a press statement issued by both Governments to the effect that renewed efforts should be made to resolve the outstanding differences between the two countries on Kashmir and other related matters so as to enable the two countries to live side by side in peace and in friendship. We will offer our service if called upon to improve relationship between the two countries.

I hope and pray that the two countries in the sub-continent of Asia will be

friends again and when this happens, Malaya will be the first to welcome this friendship. Let me tell this House that it is the intention of Malaya to cultivate goodwill and friendship with all the nations of the world. Those who believe in democracy, in justice and human right. (*Applause*).

Wan Yahya bin Haji Wan Mohd. (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di-atas peluang yang di-berikan kepada saya. Saya rasa ta' bagitu sedap kalau tidak mengambil bahagian dalam perbincangan berhubung dengan peruntukan belanjawan pada tahun ini. Sa-lepas beberapa banyak Ahli² Yang Berhormat yang telah berchapak dalam Majlis Yang Berhormat ini berhubung dengan soal² belanjawan terutama sekali dari pehak² pembangkang ada-lah menitek-beratkan ucapan mereka dengan menudoh yang Kerajaan ini menjalankan dasar pemerintahan negeri dengan chara yang merugikan.

Saya ingin menarek perhatian Dewan Yang Berhormat ini kepada satu chara yang telah di-jalankan oleh ahli² politik yang mengaku bahawa mereka ada-lah memperjuangkan nasib ra'ayat negeri ini kepada satu chara yang pernah kita dapati bahawa mereka ingin berkuasa di-negeri ini dengan chara memberi fahaman kepada ra'ayat menerusi pengertian di-sebalek apa yang telah di-jadikan tujuan yang sa-benar, sa-hingga ada di-antara parti² politik yang mengambil bahagian dalam mengembangkan pengaruh-nya di-kampong², mithal-nya mereka chuba memberi satu pengertian tentang harga petai dan jering ada-lah lebeh mahal harga-nya daripada jalan² raya dan lain² bahagian pula mereka chuba memberi pengertian kepada ra'ayat dengan mengatakan kalau ada-nya perhubungan jalan raya yang sihat, maka akan hilang-lah peluang untuk peraeh² atau buroh² yang mengambil upah di-merata² kampong dengan sebab ada-nya lori² taukeh atau lori² bangsa asing yang bermaharajalela mengambil peluang dalam mengambil upah di-kawasan² itu. Dengan chara ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita tujukan dalam soal pembangunan negara ini

sudah menjadi satu pengertian yang baharu kepada ra'ayat bahawa sa-benarnya pembangunan ini tidak akan berguna kepada ra'ayat. Jadi erti-nya dalam titek pembangunan yang kita hadapi untuk ra'ayat sudah di-pusingkan pengertian-nya supaya jangan di-ertikan pembangunan itu sa-bagai sa-suatu yang baik bahkan sa-suatu yang tidak baik. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah theory ini terus di-amalkan dalam negeri ini, maka hilang-lah segala perkara yang baik, segala faedah yang kita chuba hendak berikan kepada ra'ayat.

Sa-lain daripada itu, saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berhubung dengan satu dasar yang sudah lama, dan dahulu saya pernah berchakap dalam Dewan Yang Berhormat ini ia-itu supaya kita menggalakkan pesawah² untuk memelihara kerbau lembu dengan sa-penoh-nya. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong penoh, kerana dengan ini kita dapat membanyakkan lagi ternakan negeri kita ini. Sa-benarnya apa yang menjadi tujuan saya dalam perkara ini ia-lah kerbau lembu yang di-beri kepada pesawah² itu, belum-lah ada satu dasar, atau satu peratoran yang di-buat oleh Kerajaan, di-mana-kah ternakan itu akan di-letakkan, erti-nya padang² rumput kawasan pemeliharaan kerbau lembu itu tidak di-adakan sampai sekarang ini. Jadi binatang² ini sungguh pun di-beri kepada pesawah², dan sekarang orang² kampong maseh lagi memelihara kerbau lembu mereka dengan banyak-nya, terutama sa-kali di-pantai timur—Pahang, Kelantan dan Trengganu, tetapi binatang² ini berkeliaran dengan tidak dapat di-kawal yang sa-bahagian besar-nya pernah menjadi satu krisis bagi orang² kampong itu sendiri ia-itu terdiri dari petani² dan penternak² itu. Masing² mengatakan: penternak-lah yang patut mengasingkan dan mengasingkan kerbau lembu mereka tetapi penternak mengatakan petani-lah patut memagar tanaman mereka. Hal ini tidak kurang, Tuan Yang di-Pertua, di-kampong², terutama di-kawasan saya sendiri. Krisis ini berlanjutan sampai-lah sekarang ini

tidak dapat di-selesaikan, kerana tidak ada undang² yang tegas yang telah di-buat oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Bekerjasama dalam menempatkan kerbau lembu ini. Saya sudah berchakap pada kali yang pertama tahun yang lepas berhubung dengan penempatan kerbau lembu, tetapi saya nampak sa-hingga hari ini belum-lah ada satu dasar yang tertentu yang di-buat oleh Kerajaan berhubung dengan perkara ini.

Sekarang saya ingin menarek perhatian berhubung dengan satu kenyataan yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Muda Buroh, kalau saya tidak salah, dalam merangka satu undang² kawalan pengemis² di-negeri ini. Saya pernah berchakap dalam perkara ini, tetapi sa-hingga hari ini belum ada apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Buroh dalam satu kenyataan—kalau saya silap tolong betulkan—undang² akan di-buat supaya pengemis² dalam negeri ini dapat di-kawal. Tuan Yang di-Pertua, keadaan pengemis² ini yang sa-benar-nya menyedehkan. Saya mengalu²kan kenyataan yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Muda itu, sa-kira-nya kenyataan itu benar, dan saya ingin menarek perhatian beliau supaya undang² itu jangan-lah hendak-nya kita menyusahkan pengemis itu, tetapi sa-balek-nya kita mengawal mereka jangan ber-tempiaran di-merata kaki lima di-jalan raya sa-hingga menyusahkan orang ramai, menyusahkan pengemis itu sendiri dan memalukan negeri kita ini. Saya tidak nampak satu perbuatan dalam soal menjaga dan mengawal pengemis dengan lebeh selamat dan sempurna, kerana kita sanggup mengeluarkan wang di-bahagian lain dengan begitu banyak kalau di-bandingkan dengan apa yang menjadi tujuan saya ini sedangkan kita tidak memberi kawalan yang sempurna kepada pengemis² ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lepas kita telah meluluskan satu pindaan undang² berhubung dengan pencholekan. Sungguh pun saya patut berchakap waktu itu, tetapi apa yang sa-benar-nya bukan-lah mengenai pindaan yang telah di-luluskan itu. Saya

nampak sa-hingga hari ini walau pun undang² ini telah di-adakan, maka pencholek yang bertujuan meminta wang dengan paksa itu maseh lagi berlaku di-negeri ini. Jadi saya nampak kalau kita hendak jaga ketenteraman negara, maka mustahak-lah undang² yang sa-rupa itu di-perketatkan, dan mereka yang terbabit atau pun bersalah dalam perkara ini hendak-lah di-asingkan daripada orang salah yang lain, sebab kebanyakan mereka itu ada-lah terdiri daripada pemuda² yang rosak akhlak-nya. Jadi apa yang saya ingin menarek perhatian Kementerian yang berkenaan supaya hukuman yang akan di-kenakan itu di-beratkan daripada hukuman yang telah ada.

Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya saya ingin hendak mengambil bahagian dalam perkara "Derma Menyelamatkan Demokrasi" dalam perbahathan ini, tetapi apabila Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sendiri telah menerangkan dengan panjang lebar, maka tidak-lah saya mengambil bahagian dalam bahathan ini. Untuk memberi peluang kepada sahabat² saya yang lain, sa-takat ini-lah sahaja ucapan saya.

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak):

Tuan Yang di-Pertua, sa-malam Yang Berhormat dari Seberang Utara waktu mengulas ucapan Yang Berhormat dari Dato Kramat berkenaan dengan "Derma Menyelamatkan Demokrasi" menghadapkan pertanyaan-nya kepada saya—Ahli Yang Berhormat dari Setapak, kata-nya, bagaimana pendapat Ahli Yang Berhormat dari Setapak—ada-kah menyokong pendapat Yang Berhormat dari Dato Kramat, bagaimana sikap Parti Ra'ayat dalam soal ini? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan bahawa kami 8 orang di-sini dudok sa-bagai anggota Dewan Ra'ayat dari Front Socialist Ra'ayat Malaya, tidak ada Parti Buroh, tidak ada Parti Ra'ayat. Jadi kalau Yang Berhormat itu hendak tanya bagaimana fikiran Yang Berhormat dari Setapak tentang "Save Democracy Fund" bukan-kah lebih baik sa-belum mengemukakan pertanyaan kepada saya dia sendiri bertanya kepada rakan²-nya macham mana sikap

MCA tentang "Save Democracy Fund" ini, dan sa-sudah dapat jawab-nya baharu-lah kemukakan pertanyaan itu kepada orang lain?

Yang Berhormat itu juga chuba memusingkan kawat yang di-bachakan oleh Yang Berhormat dari Dato Kramat yang di-terima-nya dari Perdana Menteri Kominis China, Mr Chou En Lai. Beliau mengatakan terus² ia-itu kalau dahulu pehak Socialist Front ia-itu Yang Berhormat dari Setapak bermati² mengatakan tidak ada perhubungan dengan kominis—sekarang ini sudah ada bukti-nya. Tuan Yang di-Pertua, kawat itu berpuncha dari kejadian di-sempadan India itu. Bila timbul pertemporan di-sana, kami dari Socialist Front memikirkan bahawa kalau pertemporan sempadan ini meningkat menjadi peperangan, ini adalah merupakan bukan sahaja bahaya kepada Asia tetapi bahaya kepada seluruh dunia. Socialist Front menganggap tidak ada jalan lain yang lebih baik daripada meminta supaya pehak yang terbabit dalam pertemporan sempadan ini menyelesaikan pertikaian mereka itu sa-chara damai. Dan dengan maksud itu maka Socialist Front telah menghantar kawat, bukan sahaja kepada Perdana Menteri Mr Chou En Lai, tetapi juga kepada Perdana Menteri India dan juga kepada Setia-Usaha Setia-Kawan Afro-Asia di-Mesir. Dan isi kawat itu tidak lain dan tidak bukan meminta supaya pehak yang bersangkutan menyelesaikan pertikaian sempadan itu dengan jalan damai, dan meminta supaya negara Afro-Asia menggunakan jasa baik-nya supaya kedua belah pehak ini menyelesaikan pertikaian sempadan mereka itu, bukan dengan senjata tetapi dengan perdamaian atau dengan perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tanggal 10 haribulan ini mengikut berita dalam surat khabar enam kuasa Afro-Asia akan berunding di-Ceylon. Kami tidak dapat mengatakan dengan pasti, tetapi kami boleh berbangga bahawa Persidangan Afro-Asia di-Ceylon itu sedikit sa-banyak merupakan kesan dari kawat yang kami hantar itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Mr Chou En Lai menjawab kawat itu,

tetapi Perdana Menteri Nehru tidak menjawab atau Setia-Usaha Badan Setia-Kawan Afro-Asia tidak menjawab, jangan-lah pula ini di-ambil sa-bagai alasan mengatakan bahawa kami ini berhubung dengan kominis.

Kami katakan, kami telah menghantar surat kepada Nehru, dan kalau kami menghantar surat kepada Nehru kenapa tidak di-jawab kawat itu? Jangan tanya pada kami, tanya-lah pada Indian High Commissioner, kenapa tidak di-jawab kawat itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu pandai² menudoh berhubung dengan kominis, tetapi dia lupa dengan tuduhan yang mengatakan kami berhubung dengan kominis itu dengan sendiri-nya dia menyatakan bahawa Menteri Keselamatan Dalam Negeri-nya sendiri telah buta mata, sebab, Tuan Yang di-Pertua, orang yang berhubung dengan kominis selalu di-tangkap di-bawah arahan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Kalau dari perbuatan Socialist Front menghantar kawat kepada Chou En Lai, Nehru, orang yang membuat hubungan itu ada bersama² kita di-sini, tidak di-tangkap di-bawah Undang² Keselamatan, tidak-kah itu merupakan, Yang Berhormat itu mengatakan bahawa Menteri Keselamatan itu tidak bertindak. Sa-benar-nya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu, saya tidak perchaya dia akan lebih pandai dari Menteri Keselamatan-nya sendiri. Menteri Keselamatan-nya sendiri, tahu apa yang di-maksudkan berhubung dengan kominis itu. Apa yang salah, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kominis, Conspire untuk menjatuhkan pemerentahan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu juga menyatakan, bahawa derma yang di-anjarkan oleh Perdana Menteri itu ada-lah kerana hendak menyelamatkan democracy. Kemudian dari itu dia menyatakan pula derma itu akan di-gunakan untuk menolong orang² yang chedera, untuk menolong orang² India yang kehilangan rumah tangga, hasil dari pertemporan di-sempadan itu. Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah itu dengan sendiri-nya membuktikan nama derma itu berlawanan dengan tujuan-nya. Kalau hendak menyelamatkan orang² yang chedera, orang² yang kehilangan rumah tangga,

terus katakan derma untuk menolong orang² yang kehilangan rumah tangga, atas usaha² Welfare. Itu, Tuan Yang di-Pertua, kami tidak membantah. Kami katakan usahakan-lah, hantarkan-lah menerusi Palang Merah International. Tetapi kenapa di-namakan Save Democracy Fund, derma menyelamatkan democracy. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu menyelamatkan democracy, kita tidak akan dapat menyelamatkan democracy itu dengan mengutip wang beribu² ringgit, kemudian menggunakan wang itu untuk membantu orang² luka, untuk membantu orang² yang kehilangan rumah tangga. Democracy itu hanya akan dapat di-selamatkan dengan satu jalan, dengan jalan bahawa mari kita tunjukkan kebaikan democracy itu, mari kita jadikan democracy itu satu barang yang indah mithal-nya sa-orang wanita yang jelita, kita tunjukkan democracy itu supaya orang lebih tertarik kepada democracy itu, dengan tidak payah di-selamatkan. Orang tidak mudah membuang begitu sahaja sa-orang wanita jelita, tetapi Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita akan menyelamatkan democracy, tetapi tidak kita buktikan. Kalau democracy di-katakan pemerentahan yang disokong oleh ra'ayat dan bekerja demi kepentingan ra'ayat, tetapi soal-nya ada-kah itu sudah kita buktikan, ada-kah itu sudah kita laksanakan. Kalau kita memandang nampak bukti-nya, dan sa-kira-nya ra'ayat menyatakan kami memerlukan itu dan ini, kalau gulungan wanita di-tanah ayer kita, menuntut supaya di-beri mereka gaji yang sama dengan kaum lelaki atas kerja yang sama, pemerintah akan segera mengatakan, kita tidak ada wang, kita tidak ada peruntokan, tetapi kalau pemodal² dari luar negeri mengatakan hai Malaya, negeri-mu terancham oleh kominis, sebab itu beli-lah sa-banyak²nya peluru, senapang, kapal terbang dan lain² lagi, dengan tidak bertanya apa² lagi segera sahaja di-beli semuanya itu. Apa yang di-tuntut oleh ra'ayat, kata-nya tidak ada peruntokan. Tetapi kalau untuk membeli senjata, peluru, senapang, lekas² naik kapal terbang untuk membeli itu semua.

Tuan Yang di-Pertua, democracy juga menyatakan bahawa tiap² ra'ayat

harus mempunyai kebebasan, dan setiap ra'ayat itu belum di-anggap bersalah, melainkan sa-sudah mereka itu thabit kesalahan-nya. Tetapi tidak, Tuan Yang di-Pertua, undang² keselamatan dalam negeri membolehkan atas shak sa-mata² sa-saorang itu ditangkap, dan di-tuduh itu dan ini tidak di-bicharakan dalam Mahkamah yang terbuka. Tidak-kah, Tuan Yang di-Pertua di-samping kita hendak menyelamatkan democracy kita menodai democracy itu. Bagaimana kita akan menyelamatkan democracy, ribuan senjata, peluru, tidak akan dapat menyelamatkan democracy itu, kalau democracy itu kita nodai. Kalau tidak kita perekikkan, hanya menyuarakan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara itu juga menyatakan bahawa sikap Kerajaan-nya di-dalam pertikaian sempadan di-India itu ia-lah kerana hendak mengelakkan pertelengkahan. Tuan Yang di-Pertua, tujuan ini memang baik, memang pertelengkahan itu patut kita elakkan, tetapi bagaimana-kah pertelengkahan itu akan dapat kita elakkan kalau sa-kira-nya kita tidak berusaha ka-arrah itu. Bagaimana-kah pertelengkahan itu kita dapat elakkan kalau kata² kita mendesak menyeru supaya kedua belah pihak itu berlaga. Bagaimana pertelengkahan itu akan dapat di-elakkan kalau Perdana Menteri kita dalam ucapan-nya mengatakan bodoh-lah India, kalau mahu menerima tawaran damai China itu. Bagaimana-kah kita dapat mengelakkan pertelengkahan kalau Perdana Menteri kita di-dalam ucapan-nya mengatakan:

"We in Malaya agree with communist China in this respect. We do not believe that communism and democracy can co-exist peacefully because it is contrary to the tenet of communism".

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana-kah pertelengkahan dapat kita elakkan kalau kita bukan berusaha untuk mengajak kedua belah pihak mencari jalan penyelesaian. Sa-balek-nya kita mengemukakan kata² yang boleh membangkitkan semangat kemarahan salah satu pihak. Tuan Yang di-Pertua, co-exist atau hidup sa-chara damai itu, bukan sahaja di-terima oleh Negara² Afro-Asia, tetapi juga di-terima oleh

Amerika, England, yang menjadi guru kerajaan sekarang ini. Tidak ada satu negara dalam negeri ini yang tidak menerima co-exist. Dengan menerima co-exist ini-lah maka ada-nya Persharikatan Bangsa² Bersatu, sedang Perdana Menteri kita mengatakan tidak perchaya kepada co-exist itu. Kalau tidak perchaya hidup sa-chara damai ini, apa perlu-nya Malaya menjadi anggota Bangsa² Bersatu? Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sa-bagaimana saya katakan kata² sahaja, tetapi tidak ada amalan, jika tidak ada amalan tidak ada-lah ma'ana-nya.

Tuan Yang di-Pertua, pertikaian sempadan di-antara India dengan China itu India sendiri mensifatkan belum merupakan peperangan, kalau pertikaian sempadan itu sudah menjadi peperangan, sudah tentu-lah hubungan diplomatik di-putuskan. Malah, Tuan Yang di-Pertua, saya puji Nehru di-dalam terjadi-nya pertikaian sempadan itu, dan Persharikatan Bangsa² membawa usul meminta supaya Republic Ra'ayat China masuk ka-Anggotaan Bangsa² Bersatu, pertemporan sedang berjalan di-sempadan, bagaimana sikap India? India, Tuan Yang di-Pertua, mengundi menyokong supaya Republic Ra'ayat China di-masokkan ka-dalam Persharikatan Bangsa² Bersatu. Ini membuktikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada India pertemporan di-sempadan itu belum merupakan peperangan jalan penyelesaian maseh ada. Kenapa kita Tuan Yang di-Pertua negara yang kecil ini, seluroh ra'ayat negeri ini sa-bagaimana kata Perdana Menteri tidak sa-banyak tentera di-India itu, bersorak² mengatakan Save Democracy. Kita tidak perchaya co-exist. Tuan Yang di-Pertua, India sa-bagaimana juga China ada-lah sa-buah negara yang besar. Saya tidak perchaya ada satu kuasa di-atas muka bumi ini yang akan dapat menjajah negeri yang sa-besar itu dengan ra'ayat yang sa-besar itu. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk melagakan kedua² mereka itu daripada mendesak mereka itu menyelesaikan pertikaian sa-chara damai ada-lah satu langkah yang tidak bijak sa-kali. Sebab itu-lah Tuan Yang di-Pertua, mula berlaku-nya pertemporan

itu sa-hingga sekarang ini kami dari pihak Socialist Front, tetap mendesak mengharapakan supaya kedua negara itu yang pernah terkenal sa-bagai bangsa yang menentang penjajahan berselesai. Hanya orang² yang ingin perang, War Monger, sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua ingin melihat supaya dua buah negara besar itu perang sama sendiri-nya, dan dalam peperangan itu mereka mencari kesempatan untuk menjual sa-banyak²-nya peluru, untuk menjual sa-banyak²-nya senapang supaya mereka itu lebih kaya hasil dari ra'ayat Asia berbunohan sama sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya berhubong dengan soal yang telah berlaku di-India itu mari-lah kita Kerajaan negeri ini sekarang menginsafi, penting-nya dan mustahak-nya supaya Republic Ra'ayat China itu di-terima menjadi Anggota Bangsa² Bersatu. Dengan menjadikan negeri itu Anggota Bangsa² Bersatu, dengan sendiri-nya negeri itu tundok di-bawah Undang² Bangsa² Bersatu ini. Manakala sudah menjadi ahli maka dapat-lah Bangsa² Bersatu menghantarkan kekuasaan-nya untuk menjaga supaya negeri itu dapat bertindak sasuai dengan kehendak Bangsa² Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ta' silap, wakil kita dalam Pertubohan Bangsa² Bersatu pernah mengatakan bahawa dia bersetuju supaya Republic Ra'ayat Tiongkok di-terima menjadi anggota Bangsa² Bersatu, dan amat dukachita sa-kali bila di-jalankan pengundian baharu² ini dalam Bangsa² Bersatu siapa yang menyokong supaya Republic Ra'ayat Tiongkok di-benarkan menjadi anggota Bangsa² Bersatu. India yang pada waktu itu bertempor kerana soal sempadan dengan China mengundi menyokong kemasokan-nya. Malaya yang bersorak dalam Pertubohan Bangsa² Bersatu itu hanya berkechauli. Kenapa berkechauli? Kita sudah mengatakan bagus dia di-terima menjadi anggota Bangsa² Bersatu supaya dia tidak bertindak dengan sewenang²-nya, tetapi mengapa bila mengundi kita berkechauli? Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sa-kali lagi saya tegaskan bahawa ta' ada jalan yang lebih selamat, kalau kita perchaya kepada co-existence daripada menerima

negara² yang di-akuⁱ *de facto* dan *de jure*-nya menjadi anggota Bangsa² Bersatu, dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu harus-lah menyokong sa-tiap usaha yang di-tujukan ka-arrah ini.

Sa-sudah menjawab tudohan² itu, Tuan Yang di-Pertua, maka baik-lah sekarang saya masok kapada perkara yang sa-benar-nya yang hendak kita perdebatkan ia-itu ucapan atas Anggaran Belanjawan Persekutuan Tanah Melayu bagi tahun 1963. Dalam mengemukakan Anggaran Belanjawan ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah mengambil masa hampir² dua jam. Saya mendengar ada juga tepok² menyambut ucapan itu dan banyak Ahli² Yang Berhormat berchakap memuji² Menteri Kewangan kerana Anggaran Belanjawan-nya itu. Tetapi saya ingin bertanya, tepok² dan puji² ini kerana apa? Ada-kah kerana ayat akhir di-muka 5 dalam ucapan Menteri Kewangan itu yang berbunyi:

"This may present something of a problem, however, for as Hon'ble Members will learn later, we are starting to run down our external reserves more rapidly than was originally anticipated."

Ada-kah tepok kerana ayat akhir ucapan Menteri Kewangan itu? Tuan Yang di-Pertua, menurut tinjauan saya dan menurut penelitian saya dalam ucapan ini, kesimpulan-nya bagini: Dasar ekonomi negara kita ini ada-lah dasar ekonomi yang bergantung bulat² kapada kuasa² barat. Ini sa buktikan dalam cheraian dua ucapan Menteri Kewangan itu yang berbunyi:

"In accordance with my usual practice, I intend to begin this address by presenting a brief survey of economic conditions in the major industrial countries since conditions in these countries have a significant bearing on the *quantum* of our export earnings."

Ini terang dan nyata yang Menteri Kewangan kita menunjokkan yang kita ini bergantung kapada kemajuan ekonomi negara² barat. Negara² barat yang menjalankan dasar ekonomi-nya sa-chara *laissez faire* atau *liberalism*, bagaimana-kah gambaran kedudukan ekonomi barat itu? Kita lihat pada cheraian 10 Menteri Kewangan kita berkata:

"Summing up, it looks as if in almost all the industrialised countries of the free world business activity appears to have levelled off though on a fairly high plateau. This

levelling off does not necessarily mean the beginning of a recession but rather that economic growth is falling well below the rate which might have been achieved if the economic potential of the countries concerned had been fully utilised."

Dengan lain perkataan Menteri Kewangan kita mengatakan bahawa this levelling off, bukan-lah permulaan kemerusutan ekonomi kuasa barat, tetapi sa-kadarkan kejatohan kemajuan ekonomi yang mungkin dapat di-chapai sa-kira-nya unsur bahan ekonomi itu di-gunakan sa-penoh-nya. Bukan kemerusutan? Biar ta' usah saya menjawab-nya. Menteri Kewangan sendiri menjawab dalam ucapan-nya di-muka 5:

"It may well be that the plateau which has now been reached by the industrialised countries will, sooner or later, prove to be the starting point for a new upward curve"

Ini gambaran yang indah:

At the moment, no signs of such a trend are apparent. Ta' ada tanda-nya sekarang, mungkin ta' ada tanda besok, mungkin ta' ada tanda sampai hari kiamat, dan kita menggantungkan seluroh kehidupan ekonomi kita kepada maju mundur-nya ekonomi barat itu.

Tuan Yang di-Pertua, cheraian 12 dalam ucapan Menteri Kewangan ini berkata:

"In case the United Kingdom joins the European Common Market, it is clear that we should try to secure the best terms we can for those of our products which are likely to be affected. We have succeeded in securing duty-free entry for tea and it appears that tropical hard woods will also enter free. In regard to our remaining products which are affected, our best plan would probably be to negotiate a trade treaty direct with the Six, and we requested the British Government, in the course of the recent Commonwealth Prime Ministers' Conference in London to urge this course upon them."

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu United Kingdom akan masok ka-dalam European Common Market demi kepentingan ekonomi-nya. Kita dudok dalam Commonwealth, kalau kepentingan Commonwealth bertentangan dengan kepentingan Pasaran Bersama Eropah ini, dan ini mungkin jadi, sebab yang menganggotai Pasaran Bersama Eropah itu bukan-lah anggota Commonwealth. Bagaimana sikap British kalau timbul pertentangan yang demikian itu?

Ada-kah dia akan berpehak kepada Commonwealth, atau kepada Pasaran Bersama Eropah?

Saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, British tentu-lah mengutamakan Pasaran Bersama Eropah ini. Kalau Pasaran Bersama Eropah lebeh penting daripada Commonwealth, di-mana-kah jaminan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kedudukan kita sa-bagai anggota Commonwealth itu akan terpelihara baik? Apa kata kalau segala jaminan² yang kita tuntutan ini tidak dapat di-beri dan tidak dapat di-sempurnakan, bagaimana sikap kita? Kita meminta duty ini dan itu free. Ini bertentangan dengan kepentingan Pasaran Bersama Eropah—tidak di-benarkan. Bukan-kah ini membahayakan ekonomi kita? Bagaimana sikap kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah-lah sampai masa-nya supaya kita meninjau keanggotaan kita dalam Commonwealth kerana lahir-nya Pasaran Bersama Eropah ini. Kalau Pasaran Bersama Eropah itu lebeh besar erti-nya dan lebeh penting kepada Inggeris, maka tidak ada faedah-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita terus dudok dalam Commonwealth. Kita harus memikirkan soal keluar daripada Commonwealth kalau Pasaran Bersama Eropah lebeh penting kepada Inggeris daripada Commonwealth sendiri. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Burma. Burma tidak jadi anggota Commonwealth, tetapi Burma tidak susah, Burma hidup bahagia. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan dengan ada-nya Pasaran Bersama Eropah ini, keanggotaan kita dalam Commonwealth baik-lah kita tinjau sa-mula.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada muka 31 Cheraian 62 membayangkan bertambah-nya Anggaran Perbelanjaan Pertahanan kita kerana ada-nya Malaysia. Cheraian 62 mengatakan:

"Apart from economic development, Malaysia will also entail additional defence commitments. Malaya itself has a coast line of about 1,200 miles and we are separated from the Borneo territories by something like 1,000 miles of water."

Erti-nya dari sini ka-Borneo itu kira² ada 1,000 batu jauh-nya. Di-dalam

uchapan Anggaran Belanjawan ini Yang Berhormat Menteri Kewangan itu berkata :

"Hitherto, defence expenditure has not exceeded 10 per cent of our ordinary budget and we should strive, for the reason I have given above, to keep such expenditure to this level."

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, melihat akan lahir-nya Malaysia, dan melihat bagaimana jauh-nya di-antara Malaya dengan negara² di-Borneo itu dan melihat untuk menjaga dan mempertahankan daerah Malaysia itu nanti yang akan memerlukan, bukan sahaja angkatan bersenjata, angkatan darat yang kuat, tetapi lebih daripada itu; kita memerlukan angkatan² laut dan udara yang kuat. Saya rasa tidak mungkin, Tuan Yang di-Pertua, kalau benar² kita akan mempertahankan Malaysia perbelanjaan pertahanan kita akan cukup 10 per sen juga. Tentu akan bertambah.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tidak perlu.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, berchakap tentang Malaysia ini, baharu² ini ada yang mengatakan bangkangan (opposition) terhadap Malaysia sekarang ini sudah habis semua sa-kali, baik di-Sarawak, baik di-Sabah, tetapi tidak di-sebut di-Brunei. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam surat khabar hari ini, saya membaca satu berita berkenaan dengan penangkapan anggota Tentera Nasional Kalimantan Utara. Anggota yang di-tangkap itu sa-ramai 10 orang.

Enche' Hassan bin Mansor (Malacca Selatan): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order 35 (1) mengatakan :

"Sa-saorang ahli yang hendak berchakap hendak-lah bangun di-tempat-nya dan apabila di-panggil oleh Pengerusi maka hendaklah berdiri mengarahkan ucapan-nya kepada Pengerusi. Sa-saorang ahli tidak boleh berchakap melainkan sa-telah di-panggil oleh Pengerusi."

Yang Berhormat itu mengarahkan ucapan-nya di-sabelah sini sa-olah² ada dua Tuan Pengerusi (*Ketawa*).

Mr (Deputy) Speaker: Yang Berhormat itu memandang kapada saya. Kadang² dia memandang Yang Berhormat dari Johor Tenggara itu riuh masa dia berchakap (*Ketawa*).

Enche' Ahmad Boestamam: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Sa-bagaimana yang saya katakan tadi ahli Tentera Nasional Kalimantan Utara yang di-tangkap itu sepuluh orang; sembilan orang Melayu dan satu orang China. Tuan Yang di-Pertua, ini satu bukti bahawa bangkangan terhadap Malaysia itu maseh ada—jangan kata tidak ada. Tentera Nasional Kalimantan Utara itu tentu bukan sepuluh orang, mereka tentu banyak, dan kalau yang di-tangkap itu sembilan orang China dan satu orang Melayu Perikatan tentu akan mengatakan ini pengaruh komunis, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, berita hari ini mengatakan sembilan orang Melayu dan satu orang Tionghua. Ini membuktikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa gerakan ini tidak ada pengaruh komunis, tetapi mereka menentang Malaysia itu. Menentang Malaysia itu pada chara melaksanakan-nya, yang tidak memberi hak kapada ra'ayat negeri itu menentukan nasib-nya sendiri.

Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, soal ini membawa kita kapada soal bagaimana kalau bagini-lah keadaan-nya—jangan kata opposition terhadap Malaysia ini tidak ada—bagaimana chara Malaysia itu kita akan pertahankan dan akan di-pertahankan oleh Kerajaan sekarang ini? Pertama-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan angkatan udara dan angkatan laut yang kuat. Ini memerlukan wang. Dan tentu tidak cukup dengan 10 peratus hasil dari negara kita ini. Kedua, kita harus, Tuan Yang di-Pertua, meletakkan angkatan bersenjata kita di-negeri² di-sabelah Borneo itu—menghantar pasokan tentera dari sini ka-sana. Dan, Tuan Yang di-Pertua, ini timbul satu soal kalau kita menghantar tentera kita ka-negeri itu. Soal yang paling penting sa-kali ia-lah penerimaan keseluruhan ra'ayat negeri itu kapada askar kita yang di-hantar ka-sana. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, timbul-lah tuduhan bahawa kita menghantar tentera kita menduduki negeri mereka. Dan penerimaan penuh dari ra'ayat itu hanya akan dapat bila seluruh ra'ayat negeri itu menerima Malaysia ini dengan bulat. Kita jangan kata opposition tidak ada. Besok, Tuan Yang di-Pertua, dalam

kita mempertahankan negara Malaysia itu baharu timbul perkara yang kita *kata tidak ada opposition itu*. Atau kalau kita tidak lakukan demikian itu, kita terpaksa mengadakan angkatan bersenjata dari ra'ayat negeri itu sendiri. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan angkatan bersenjata dari ra'ayat negeri itu sendiri memerlukan masa dan kerjasama dari ra'ayat itu sendiri. Kalau ra'ayat negeri itu tidak dapat menerima Malaysia bagaimana mereka itu akan masuk dalam tentera yang kita akan tubuhkan disana. Ini perlu lagi kepada kerjasama dan sokongan penoh dari ra'ayat negeri itu terhadap Malaysia itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ia-itu jauh-nya negeri² itu dari negeri ini 1,000 batu. Dari sini kalau kita hendak pergi ka-Brunei menaiki kapal terbang kita memerlukan masa empat jam. Dalam tempoh empat jam itu, Tuan Yang di-Pertua, macham² boleh jadi, sedang negeri² itu bersempadan dengan Indonesia, bukan di-sempadankan oleh lautan tetapi di-sempadankan oleh hutan yang tidak ada garisan sempadan-nya. Kalau kita dari sini hendak ka-Brunei menaiki kapal terbang makan masa empat jam, tetapi dari bahagian Kalimantan Selatan Indonesia untuk masuk ka-bahagian utara itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu makan masa empat jam, tetapi mungkin empat minit.

Saya mengatakan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan mengatakan bahawa kemungkinan Indonesia akan menyerang negeri ini—bukan itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi soal-nya sudah sampai masa-nya kalau kita benar² hendak melihat lahir-nya Malaysia, lahir-nya dengan chara yang dapat di-terima bukan sahaja oleh ra'ayat seluroh negeri ini, tetapi tidak menakutkan dan di-terima juga oleh jiran tetangga kita sekalian-nya. Maka sudah sampai masa-nya supaya dasar luar negeri kita terhadap jiran tetangga kita itu mendapat perubahan daripada yang sudah². Yang sudah², Tuan Yang di-Pertua, bila tersebut soal Indonesia, maka keluar-lah jawapan kita. Saya ta' perchaya orang² itu akan suka. Saya ta' perchaya Indonesia akan teri-

ma ini semua-nya, manakala kita boleh mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh kita fikirkan. Perkara ini boleh kita rundingkan.

Akhir-nya saya ingin menyebutkan berkenaan dengan satu hal yang membabit Kementerian Pos dan Talikom. Kalau saya tidak silap mula² dari awal bulan November, belanja menghantar surat register sudah di-naikkan daripada 30 sen menjadi 50 sen. Saya ta' tahu bagaimana chara-nya kenaikan itu di-jalankan, tetapi yang saya tahu Parlimen ini belum pernah membincangkan tentang hal ini, walau bagaimana pun saya kemukakan soal ini supaya di-pertimbangkan baik² oleh Kementerian Pos dan Talikom, sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang menggunakan register itu kebanyakan-nya ra'ayat² yang miskin yang mahu menghantar wang \$10-\$15. Undang² itu tidak membabitkan orang yang kaya² kerana orang yang kaya tidak menggunakan register untuk menghantar wang. Mereka ada bank draft dan entah apa lagi nama-nya, tetapi yang menggunakan register itu ia-lah ra'ayat. Kalau 30 sen bagi mereka itu susah untuk menghantar register, tetapi sekarang naik pula 50 sen, barangkali besok naik lagi, boleh jadi menghantar surat biasa naik 30 sen. Soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya ditimbangkan dengan sa-halus²-nya oleh Yang Berhormat Menteri Pos dan Talikom, kalau boleh, supaya belanja bagi menghantar register itu di-kembalikan kepada harga yang asal.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk mengalu²kan ucapan Anggaran Belanjawan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana perkara ini telah pun di-buat oleh rakan² dan teman² saya yang berchakap sa-belum daripada saya pada hari ini dan pada hari sa-malam. Dan juga pujian² yang telah di-beri kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas ucapan-nya itu dan belanjawan yang di-kemukakan-nya kepada Dewan ini, saya nampak bukan sahaja datang daripada kawan² saya, tetapi daripada lawan² juga. Saya anggap bahawa sa-makin kuat, sa-makin lantang suara

pembangkang yang mengkeritik ucapan dan belanjawan yang di-kemukakan kepada Dewan ini, maka sa-makin kuat pula keyakinan dan keperchayaan saya bahawa apa yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu saya perchaya telah meliputi semua lapangan sa-hingga pehak pembangkang dalam Dewan ini memandang diri-nya dalam keadaan terjerat, kerana Menteri Kewangan telah mengadakan satu Rang Undang² Belanjawan yang chukup lengkap yang boleh memberi keuntungan dan faedah kepada semua penduduk dalam negeri ini.

Di-sini saya akan terangkan beberapa tegoran yang telah di-datangkan oleh pehak pembangkang ka-atas ucapan yang ada di-hadapan Dewan ini. Saya ingin memuji kepitahan, kefasehan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh apakala beliau berchakap pada hari kelmarin, dan fikiran-nya yang di-kemukakan-nya itu, nampak-nya bukan main lagi bernas, molek, tetapi saya ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu, supaya bawa balek sahaja apa yang di-chakapkan oleh Ahli Pasir Puteh untuk memperbaiki pentadbiran Kerajaan-nya yang ada sekarang ini. Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu kalau menggunakan fikiran dan pandangan-nya yang luas untuk memperbaiki hal keadaan negeri Kelantan, dia akan membuat satu pahala yang besar sakurang²-nya bagi diri-nya sendiri. Saya tahu Ahli Yang Berhormat itu, kalau ta' salah ingatan saya, ada-lah pada mula-nya menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan. Dia berasa ta' puas dudok di-situ kerana hendak memberi khidmat yang lebeh kepada Kerajaan Negeri, maka berhenti-lah dia masuk menjadi ahli Exco

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, Standing Order 36 (1). Wakil dari Johor Tenggara itu berchakap dengan perkara yang ta' bersangkutan-paut dengan perbahathan ini.

Mr (Deputy) Speaker: Saya fikir perkara itu ta' bersangkutan-paut dengan perbahathan kita ini. Masa kita terlampau sedikit, teruskan-lah kepada masaalah lain.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa membawa perkara ini terlebih jauh, kerana Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu telah membangkitkan soal pemuda desa yang ta' ada kena-mengena dengan perbahathan Dewan ini. Pemuda desa ada-lah satu pertubohan yang tidak kena-mengena dengan Kerajaan Persekutuan. Waktu beliau berchakap, saya tidak menegor, kerana hendak memberi-nya chukup tali bagi mencherut leher-nya. Sekarang saya akan mencherut tali itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah berpindah dari jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, maka dia melompat kepada Exco. Nampak-nya fikiran yang paling bijak telah membawa ilham dan dengan usaha serta kecherdasan otak Ahli Yang Berhormat itu-lah maka munchol Ranchangan Jambatan Politik Kota Bharu.

Dengan ada-nya satu jambatan ini yang telah di-buat dengan chara contract luar dan tidak melalui saluran Kerajaan yang tertentu, baharu satu jambatan, Tuan Yang di-Pertua, dia chuba hendak buat di-Kelantan yang di-pimpin oleh Ahli Yang Berhormat itu, baharu satu jambatan hendak di-buat dengan sa-orang contract China maka nampak-nya pintu PAS sudah hendak di-buka. Itu baharu satu jambatan hendak di-buat-nya

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, itu tidak ada bersangkutan-paut dengan soal ini.

Mr (Deputy) Speaker: Saya hendak mengingatkan perkara itu tidak ada bersangkutan dengan ini. Proceed!

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan soal ini kena-lah saya bangkitkan perkara² sa-umpama itu kerana ada kena mengena dengan soal tudohan yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam ucapan-nya kelmarin mengatakan kita membuat Ranchangan Pembangunan Luar Bandar telah tergopoh gapah. Di-sini kita dapat membandingkan bagaimana gopoh gapah yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu, yang tidak berapa lama duduk dalam Exco jambatan politik

pun jadi, dan pintu PAS pun hendak di-buka.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu Standing Order 36 (1). Bahawa dia telah berkali² melanggar ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, dia mengatakan bahawa contract itu di-berikan kepada sa-orang taukeh itu, amat-lah salah kerana sudah di-siarkan dalam surat khabar sa-bagai satu advertisement, sa-sudah itu 13 orang sudah masuk dalam tender itu.

Mr (Deputy) Speaker: Dia boleh berchakap, sebab ada bersangkut-paut.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berchadang hendak melanggar perintah daripada Tuan Yang di-Pertua. Jadi, berhubung dengan soal Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dia menuduh kita menjalankan dengan terburu², maka ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya mendatangkan perbandingan dengan apa yang di-buat oleh Kerajaan yang di-ketuai oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi sa-panjang yang kami ketahui bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang Kerajaan Persekutuan jalankan pada hari ini, boleh di-katakan mendapat sambutan yang baik. Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh kelmarin, telah menyebutkan berkenaan dengan soal Kelas Dewasa, lagi² diulang² dalam Dewan ini soal Kelas Dewasa. Dia mengatakan Kelas Dewasa itu di-buka untuk kepentingan politik, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat itu lupa bahawa dia sendiri dalam Negeri Kelantan telah mengadakan Muballigh dengan gaji \$15 menggunakan tok² guru entah dengan tujuan apa yang di-maksudkan ranchangan yang sa-umpama itu. Sa-panjang ranchangan Kelas Dewasa yang di-anjurkan oleh Kerajaan Persekutuan kita hanya bertujuan hendak membuka mata orang² yang tidak dapat peluang pada masa muda-nya, dan pada masa kechil-nya untuk mendapat latehan dan pelajaran, maka di-berikan peluang supaya dapat menengok dunia lebeh jelas, dan tidak dapat di-perdayakan oleh pemimpin² yang tidak bertanggung-jawab dengan

ayat² Quran dan hadith² nabi. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soal Kelas Dewasa itu ada-lah mendatangkan satu kebajikan yang besar pada ra'ayat negeri ini. Kerana beberapa banyak yang dahulu-nya tidak mengenal huruf, tidak dapat membacha pada hari ini dapat membuka mata-nya. Kita tidak mahu hendak membiarkan ra'ayat negeri ini di-abui mata-nya bagaimana yang di-buat oleh Kerajaan yang dikuasai oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh itu. Dalam kempen Pilehan Raya, Tuan Yang di-Pertua, ia berkata hendak menegakkan negara Islam, hendak meninggikan U gama Islam, tetapi bila dia pegang kuasa dalam negeri Kelantan itu, pada hari ini hanya sa-banyak \$15 atau \$20 di-beri kepada guru² dan lebai² untuk menjadi muballigh. Pada hal dia sanggup membelanjakan tiga juta sa-tengah untuk membuat jambatan. Jadi, harga jambatan itu lebeh daripada harga tok guru yang hendak menyebarkan ugama Islam di-Kelantan itu. Ada satu chara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkenaan undang² Islam untuk menghukum orang² yang bukan Islam. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat itu sanggup hendak dudok dalam sekolah lagi untuk mengaji lebeh banyak dan mendalam dalam U gama Islam, barangkali baharu-lah dia tahu.

Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, maksud undang² yang sama bukan-lah undang² Islam. Tetapi undang² negara yang meliputi segala²-nya undang² menchegeh ma'siat. Jadi berugama Islam atau tidak berugama Islam manakala sudah menjadi undang² di-keluarkan oleh Kerajaan pusat. Lebeh tegas lagi undang² negara bagi menchegeh segala kejadian ma'siat daripada orang² Islam dan orang² yang bukan Islam.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal ma'siat ini-lah yang saya katakan tadi, bahawa Yang Berhormat itu maseh perlu masok sekolah belajar baik², kalau dia malu hendak berguru-kan orang Perikatan, saya shorkan dan

nasehatkan ada orang di-dalam PAS yang kelulusan daripada Masir boleh tunjok ajar kepada-nya. Ini problem undang² ma'siat itu memang satu problem yang susah, barangkali Ahli Yang Berhormat itu sendiri tahu bahawa dalam negeri Islam seperti Masir dahulu, ada satu perkara yang di-namakan undang² bagi orang² asing ia-itu orang² asing yang dudok dalam negeri Masir itu tidak dapat di-hukum dengan Undang² Masir itu ia-itu Undang² Amtiyazat atau undang² bagi orang² yang bukan Islam. Jadi ini satu penyakit yang memang besar dan kalau kita kajikan Ugama Islam kita akan dapati bahawa memang daripada keseluruhan hukum Islam ada-lah lebih mengutamakan pendidekan jiwa daripada membuat undang² ukubat, undang² membalas kepada orang yang melakukan satu² kesalahan kerana dalam pandangan Islam tidak guna di-adakan satu hukuman membalas atas satu² kesalahan itu, jika jiwa orang itu kotor, jadi sa-belum Yang Berhormat daripada Pasir Puteh meminta kita membuat satu undang² menchebag ma'siat atau menghukum perbuatan ma'siat, saya suka-lah kalau boleh sa-kurang²-nya di-kalangan pemimpin² PAS yang dudok di-dalam Dewan ini supaya membersekan diri daripada segala jenis ma'siat sa-belum undang² itu di-jalankan, ma'siat dalam Islam bukan-lah ma'siat khalwat sahaja, chakap bohong sa-besar² ma'siat, menjual ayat² Quran sa-besar² ma'siat, apa undang² hendak di-buat. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, berchakap dalam soal ini saya minta-lah Yang Berhormat itu lain kali jangan bangkitkan soal ini dalam Dewan ini, kerana barangkali dia susah hendak memahamkan Ugama Islam itu sendiri. Walau pun dia hendak membela, hendak mempertahankan, ada lain² point lagi yang boleh di-buat, dan ada lagi banyak ucapan Yang Berhormat itu yang hendak saya jawab, tapi saya tinggalkan kepada lain² kawan saya yang barangkali hendak menjawab-nya.

Di-sini berpaling pula kepada ucapan Yang Berhormat dari Seberang Selatan ada satu perkara yang di-sebutkan-nya dalam ucapan-nya kelmarin ia-itu menyebutkan pembahagian tanah

di-negeri Masir. Kata-nya negeri Masir sekarang orang² tidak dapat itu dan ini, dan tidak di-benarkan memiliki lebih daripada 200 ekar tanah, dan policy ini mengikut kata-nya patut-lah di-ikut oleh Kerajaan negeri ini dengan di-rampas semua Estate² dan tidak di-benarkan sa-saorang mempunyai lebih daripada 200 ekar tanah. Ini satu lagi kita dengar chadang merampas dan di-bagi²kan kepada orang² miskin, dan sa-saorang itu jangan di-benarkan memilik lebih daripada 200 ekar. Tetapi satu perkara yang Ahli Yang Berhormat itu tidak mahu cheritakan kepada Dewan ini ia-itu berapa hasil tanah dalam negeri Masir hari ini, berapa hasil yang di-keluarkan oleh tanah² dalam negeri Masir hari ini sa-telah ranchangan itu di-jalankan. Hasil pertanian dalam negeri Masir sa-telah berjalan pengambil dan perampasan tanah² dalam negeri itu, kalau dapat Ahli Yang Berhormat itu memberi tahu Dewan ini berapa kesan yang telah berlaku dalam pengeluaran tanah di-Masir pada hari ini sa-telah di-jalankan ranchangan pembahagian, tanah² itu barangkali Dewan ini suka hendak mengetahui daripada beliau. Tetapi apa yang kita tahu bahawa hasil-nya telah merusut sa-telah ranchangan membahagi²kan tanah itu di-jalankan.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin hendak menyebutkan ia-lah tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat. Ucapan-nya yang sa-benar telah di-jawab dengan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, barangkali tidak perlu hendak di-tambah bagi orang yang mengerti, bagi orang yang mahu mengambil fahaman, tidak payah-lah saya panjangkan ucapan Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi ada satu perkara yang saya suka hendak sebutkan berkenaan dengan ucapan Ahli Yang Berhormat itu khas-nya berkenaan dengan taligram yang di-terima dari Chou En Lai yang dia nampak-nya membawa ka-dalam Dewan ini dengan membaca dengan muka yang merah, dengan sombong, dengan chukop bersemangat sa-olah² dada-nya dibakar oleh Chou En Lai. Di-sini saya sudah banyak kali mengatakan yang Socialist Front ini ada berbau Komunis, wal hal Ahli Yang Berhormat dari

Setapak bertanya, bau itu bau apa? Bau minyak atar-kah, bau minyak sapi-kah atau bau minyak wangi? Jadi soal bau ini tidak-lah menjadi soal lagi, bahkan sudah di-terangkan bukan sahaja bau tetapi juga warna-nya. Di-sini saya berasa hairan dan saya mendesak Kerajaan supaya sentiasa mengawasi anasir² subversive yang ada dalam negeri ini, kerana berhubung dengan Komunis. Maka ini menjadi satu tanda yang besar bagaimana Socialist Front menghubungkan diri-nya dengan Komunis China, dan saya pun ingin hendak mendengar dari Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat, bagaimana dia berhubung dengan Chou En Lai, ada-kah dia berhubung dengan jalan biasa atau dengan melalui Chin Peng dengan kawan² di-sempadan Siam.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr Speaker, Sir, on a point of clarification, I think the Honourable Member should ask the Minister of Posts and Telecommunications how the telegram was sent, not our Party (*Laughter*).

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Your party is responsible. Saya mengambil penjelasan dan penerangan yang perkara ini berjalan biasa—shukur alham dulillah, kalau berjalan dengan Chin Peng dalam hutan itu, saya fikir Kerajaan wajib mengambil perhatian.

Saya suka hendak mengambil perhatian yang ringkas ia-itu berkenaan remark atau pun ucapan dari Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson. Beliau telah menyentuh lagi tentang soal pelajaran dan layanan yang di-beri kepada pelajaran China. Di-sini saya ta' mahu bertegang urat dengan manusia sa-macam ini, sebab ta' ada guna. Dia ta' ada modal lain—ini-lah modal-nya. Dia datang ka-Dewan ini dengan modal ini juga, saya yakin dan percha-ya bahawa modal ini yang mereka gunakan hari² akhir-nya akan habis, dan sudah pun hendak habis. Satu sahaja yang saya hendak ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat ini, saya hendak memberi ingatan dan amaran ia-itu kalau hendak menyebutkan tentang dasar pelajaran dalam negeri ini, chuba pergi berpusing keliling ka-negeri² jiran, tengok dan pandang layanan yang di-beri kepada pelajaran

China. Kalau ta' chukop ongkos, saya akan pakat dengan kawan² saya di-sini supaya Ahli Yang Berhormat itu melawat negeri jiran kita supaya dia tengok dengan mata kepala-nya sendiri, dengar dengan telinga-nya dan fikir dengan otak-nya yang ada di-dalam kepala-nya ia-itu apa keadaan pelajaran China dan layanan terhadap orang² China, di-negeri² itu. Sa-telah melihat itu semua-nya dan dia ta' insaf juga, maka Ahli Yang Berhormat itu memang-lah bukan menchari kebenaran dan bukan menchari ketenteraman dalam negeri ini, tetapi dia ada mempunyai tujuan yang jahat ia-itu hendak menchinakan negeri ini. Kita bukan anti-China, atau anti-kechinaan, atau anti-India dan ka-Indianan, atau anti-Inggeris, tetapi kita pantang menengok di-dalam dan di-luar Dewan ini, sa-barang chubaan hendak memalingkan negeri ini berchorak luar. Kita tidak redza segala apa yang ada pada kita, chita² dan hasrat kita di-permain²kan. Dari itu saya ingin memberi amaran kepada Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson dan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr Speaker, Sir, on a point of order—S.O. 36 (10)—it shall be out of order to use treasonable words, seditious words and words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility between different communities in the Federation. Mr Speaker, Sir, under this Standing Order, I say it will cause a racial conflict if the Honourable Member, who obviously has not much inside, is allowed to go on saying that Chinese are trying to “Chinanise” Malaya. I would ask you, Mr Speaker, Sir, to rule him out as such a statement would create a conflict between different races.

Mr (Deputy) Speaker: Saya suka hendak mengingatkan tuan pada Per-atoran Meshuarat 36 (10) (c) yang mengatakan: “perkataan² yang harus menaikkan perasaan bersakit² hati atau bermusoh²an di-antara satu kaum dengan satu kaum dalam Persekutuan Tanah Melayu.” Saya harap jangan berchakap perkataan² yang saperti itu. Please proceed.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak

menudoh orang China dalam negeri ini hendak menchinakan negeri ini, tetapi apa yang saya nyatakan ia-itu bayangan daripada sa-tengah orang yang tidak jujur kepada negeri ini, dan bukan sahaja kepada orang yang hendak menchinakan bahkan kepada orang yang hendak menginggeriskan negeri ini, kerana negeri ini bukan negeri Inggeris. Itu yang saya chakapkan dan saya minta Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu belajar Bahasa Melayu sadikit. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan Yang Berhormat dari Ipoh

Enche' D. R. Seenivasagam: Sir, on a point of clarification, I do not intend to learn Malay!

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Bahasa Melayu tidak rugi hilang manusia macham ini (*Tepok*). Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan soal Yang Berhormat dari Ipoh, dia telah menyatakan pendirian-nya ia-itu dia tidak berniat dan berazam hendak mempelajari Bahasa Melayu. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, akan sampai-lah masanya—akan sampai-lah masanya bahawa Yang Berhormat itu “no place in this country—tidak ada tempat untuk-nya dalam negeri ini”. Ini amaran saya kepada dia (*Ketawa*).

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr Speaker, on a point of order—S.O. 36 (4)—

“It shall be out of order to use offensive and insulting language about members of the House.”

My complaint, Sir, is that if one Honourable Member of the House is permitted to warn another member, then it would amount to insulting language. Many have tried to warn me to leave this country, including the Prime Minister. I am still here and I am still waiting for them to push me out of this country.

Mr (Deputy) Speaker: I think it is quite in order.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ipoh itu bila dia berchakap, kita diam, dan bila kita menjawab menerangkan kedudukan yang sa-benar-nya, dia marah, di-charilah Standing Order dan menggunakan kebijaksanaan undang²-nya untuk hen-

dak menahan orang lain menjelaskan kebenaran. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya tinggalkan dia.

Sekarang saya berbalek kepada ucapan Yang Berhormat dari Setapak. Di-dalam ucapan-nya tadi dia beria² benar menudoh Kerajaan Persekutuan, konon-nya, tidak perchaya dasar co-existence sebab Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri menchadangkan “Save Democracy Fund”. Berulang² (repeat) dari satu masa ka-satu masa co-existence—co-existence—co-existence. Berulang² menudoh kita tidak mahu co-existence. Ta' apa-lah, saya fikir benar²-lah Yang Berhormat dari Setapak itu betul² sa-orang penganut dasar dan fahaman co-existence. Tiba² dalam nafas itu juga dia berchakap berkenaan dengan peruntukan Kementerian Pertahanan, dia minta supaya peruntukan pertahanan itu dilipatgandakan, di-besar dan di-banyakkan lagi. Jadi, kalau sudah perchaya kepada co-existence ta' payah-lah kita membesarkan tentera, membanyakkan senjata dan menguatkan pertahanan kita. Kalau berperang dan duduk dibawah pokok co-existence itu sembah-lah pokok co-existence itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ia-itu chadangan-nya mengadakan “Save Democracy Fund” itu tidak berlawanan dengan dasar co-existence itu. Dan kita sa-bagaimana yang di-jelaskan dengan terang tadi ia-itu kita memang suka melihat dunia ini aman dan damai, dan bukan sahaja kita suka melihat dunia ini aman, damai dan tenteram, tetapi dalam polisi Kerajaan Perikatan dalam negeri ini yang mengandongi berbagai bangsa, keturunan dan ugama, kita telah mengamalkan satu dasar yang boleh membawa semua kaum ini dudok dalam aman, damai dan tenteram, ia-itu satu keadaan yang tidak boleh ada dalam satu negeri, yang orang-nya daripada satu keturunan dan satu ugama. Adakah lebeh besar daripada itu bokti yang boleh kita tunjukkan kepada dunia, yang kita ini benar² mengamalkan dasar co-existence dan mengamalkan dasar mahukan aman dan damai dalam dunia ini?

Tetapi, yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang menimbulkan kemarahan Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Socialist Front berkenaan dengan "Save Democracy Fund" ialah sebab mereka ini tidak mahu selamatkan (save) democracy, mereka ini mahu demokrasi terancham dan digantikan dengan satu chara pemerintahan, barangkali kominis dan sabagai-nya.

Ini-lah yang saya dapat sebutkan berkenaan dengan Save Democracy Fund dan ini berulang² kali Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi mengatakan ta' kan-lah boleh China mena'lok India sebab dia ramai penduduk-nya. Soal-nya bukan soal China hendak mena'lok India atau hendak mena'lok siapa, soal yang ada di-hadapan Dewan ini yang di-kemukakan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ia-lah hendak memberi bantuan wang dan rasa sempati kita kepada ra'ayat sa-buah negeri yang telah di-cherobohi itu, itu soal yang ada di-hadapan kita. Ada-kah tujuan Yang Berhormat dari Socialist Front dan PPP tidak bersetuju yang kita hendak menolong orang² susah? Kalau dia orang tidak bersetuju kita hendak menolong orang² dalam kesusahan dan kemalangan, tolong chakapkan kepada kita, biar kita tahu dalam Dewan ini dan ra'ayat seluruh-nya mengetahui. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ahli² Socialist Front ini bukan tidak mahu kita menolong orang² dalam kemalangan—orang² yang susah tetapi apa yang mereka ta' mahu ia-lah supaya Democracy itu di-selamatkan pada hal itu-lah yang menjadi pegangan kita.

Lagi satu perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi ia-itu berkenaan dengan Malaysia, kata-nya ra'ayat² di-daerah² Borneo sana maseh ada yang menentang Malaysia. Saya sendiri baharu balek daripada Sarawak dan memang ada orang² yang menentang ranchangan Malaysia tetapi hanya sa-gelintir manusia yang di-pengarohi oleh anasir² Komunis. Untuk hendak menolok perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah mengatakan bahawa baharu² ini ada 9 orang telah kena tangkap di-Sarawak,

kerana mengangkat senjata menentang Malaysia. Delapan orang dari 9 orang itu kata-nya ia-lah orang Melayu, dan kebangkitan ini menurut Ahli Yang Berhormat dari Setapak tidak boleh di-katakan di-pengarohi oleh Komunis, sebab ada 8 orang Melayu. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa bilangan besar orang Melayu bukan Komunis, tetapi perkataan Melayu itu bukan menjadi satu jaminan yang boleh melindungi dan mendindingkan sa-saorang itu daripada Communism. Sebab ketua dalam parti Komunis Malaya, Chin Peng ada sa-orang Melayu nama-nya Rashid bin Ahmad barangkali kawan Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga. Mengatakan orang yang menentang Malaysia itu bukan komunis kerana orang yang kena tangkap itu bukan orang China, maka ini satu tuduhan yang sangat burok. Nampak-nya oleh Ahli Yang Berhormat ini orang² asalkan China, komunis-lah. Semua orang China yang ada dalam Dewan ini dan di-luar Dewan ini tentu merasa marah dengan tuduhan wakil Setapak tadi (*Tepok*). Jadi, saya harap-lah wakil dari Setapak itu minta chermat sedikit mengeluarkan kata² supaya jangan menyakitkan hati kawan²-nya orang China dalam Socialist Front. Kalau orang² China dalam Alliance ini memang-lah merasa sakit hati tetapi sa-kurang²-nya jangan-lah menyakitkan hati kawan²-nya dalam Socialist Front (*Ketawa*). Jangan tuan² tidak sedar, Ahli Yang Berhormat itu menganggap bahawa tiap² gambar China itu komunis (*Ketawa*). Ini-lah dia yang di-chakapkan-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong):

On a point of clarification, Mr Speaker, Sir, if he will allow me. Mr Speaker, Sir, I am afraid the Member for Johore Tenggara is deliberately twisting what my Honourable friend the Member for Setapak was saying. What the Honourable Member for Setapak was saying just now was that, because of the fact that the majority of those people concerned were Malays, the Government did not accuse them of being communists. The question of accusing Chinese of being communists is entirely the work of the Government—and my

Honourable friend the Member for Setapak has never on any occasion said that. It is entirely an allegation made against him. It is an actual fact that Government all along has been using these tactics. Whenever Chinese are being arrested, they will say that they are communists, but on the other hand, in a case like this, they will never mention that the people concerned are communists. And now I am glad that the Honourable Member is more or less reprimanding the Government for running down the Chinese, because if there is any evidence of alleging that anybody who is being arrested, any Chinese who is being arrested being a communist, it is entirely the work of the Government. Our friend has made it very clear and it has proved to the whole world

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Speaker, Sir, is the Honourable Member making a speech? (*Laughter*).

Mr (Deputy) Speaker: (*To Enche' Tan Phock Kin*). Your explanation is too long.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, malang-nya kawan kita ini, dia tidak berapa mahir dalam Bahasa Melayu yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat dari Setapak tadi. Kerajaan tidak menudoh orang² yang membawa senjata itu menentang Malaysia; kalau tidak mengerti chakap Melayu, chakap-lah (*Ketawa*), tetapi don't try to twist. (*Ketawa*).

Mr (Deputy) Speaker: Ada satu minit lagi.

Tuan Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya mengambil masa panjang Dewan ini sungguh pun masa maseh ada satu minit lagi tetapi untuk memberi peluang kepada rakan² yang lain maka terpaksa saya rentikan ucapan saya ini, terima kaseh.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan ucapan dasar ini. Selalu-nya, Tuan Yang di-Pertua boleh menggantungkan meshuarat ini pada jam 1 maka

boleh-lah saya berchakap sa-belah petang ini.

Mr (Deputy) Speaker: Masa sudah pukul satu.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua boleh menggantungkan meshuarat, tetapi saya telah mula berchakap dan saya akan menyambong-nya pada petang ini.

Mr (Deputy) Speaker: Saya sudah beri tahu lebeh dahulu ia-itu pada pukul 4.30 petang ini saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri² sahaja untuk menjawab hujah² yang telah di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang akan mengambil masa lebeh dari dua jam. Saya tidak dapat membenarkan Yang Berhormat beruchap pada petang ini.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua menyatakan Standing Order yang mana yang boleh mengganggu saya daripada meneruskan ucapan saya petang ini. Apa yang telah di-buat ia-lah satu statement—Standing Rules and Orders

Mr (Deputy) Speaker: Order! Order! The time now is one o'clock. The meeting is adjourned to 4.30 p.m. this afternoon.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(*Mr (Deputy) Speaker in the Chair*)

THE SUPPLY BILL, 1963

Second Reading

Debate resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Ahli² Yang Berhormat, pagi tadi saya telah menyatakan kepada Ahli² yang Berhormat ia-itu mengikut Standing Order 66 (2) tidak lebeh daripada tiga hari membahathkan asas² 'am berkenaan dengan dasar Kerajaan sa-bagaimana yang telah di-terangkan dalam Rang Undang² Anggaran Belanjawan ini.

Pada pukul 4.30 petang ini, saya hendak memberi peluang kepada Menteri² yang berkenaan menjawab atas hujah² dan memberi penerangan yang akan mengambil masa yang panjang; hal ini ada-lah biasa berjalan sa-lama

lebih kurang tiga tahun dan tidak ada apa² kesusahan bagi kerjasama di-atas Ahli² Yang Berhormat. Saya dapati ramai Ahli² Yang Berhormat hendak mengambil peluang berchakap, tetapi dengan sebab di-fikirkan masa-nya suntok sa-bagaimana yang saya memberitahu Ahli² Yang Berhormat pada pagi tadi, Ahli² Yang Berhormat, saya juga berkuasa menyekat atau menahan Ahli² Yang Berhormat membahathkan dasar² am Rang Undang² ini, tetapi saya ingatkan bahawa saya berkuasa memanggil sa-saorang Yang Berhormat itu berdiri mengikut Peratoran Meshuarat. Jadi saya fikir suka-lah saya beri Menteri² masa untuk menjawab perkara² yang telah di-keluarkan di-dalam perbahathan itu. Sungguh bagitu, jika ada sa-orang atau dua lagi yang hendak berchakap, boleh-lah; tetapi saya berharap perchakapan itu biar-lah sa-bberapa pendek-nya.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² belanjawan yang di-kemukakan oleh Yang. Berhormat Menteri Kewangan itu ada mencheritakan beberapa perkara di-dalam soal kedudukan kewangan. Perkara yang nyata daripada kedudukan ini ia-lah bahawa Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini telah memustahakkan diri-nya menambah chukai atas beberapa barang² saperti rokok, minyak dan sa-bagai-nya; dan juga di-dalam keadaan ini telah dinyatakan bahawa keuntongan negara berjumlah lebih kurang sa-ribu satu ratus juta. Perbelanjaan membayar hutang kerana bunga pada tahun ini ada-lah mencapai 12.3 per cent daripada Anggaran Belanjawan. Kedudukan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu kedudukan yang menurut Menteri Kewangan yang patut di-berikan pertimbangan yang halus supaya jangan kita merasa bahawa kedudukan kewangan kita amat elok. Kita di-dalam sidang Dewan kali ini hendak menggunakan chukai dan lain²-nya bertenangan dengan pendapatan mereka itu. Dengan bertambah chukai tembakau dan minyak kereta maka, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah mustahak-nya menurut pandangan saya. Perkhidmatan yang di-lakukan di-dalam perbelanjaan, dan satu daripada perkara yang

patut di-timbangkan ia-lah di-isi rangka perbelanjaan yang telah dan akan di-luluskan oleh Dewan ini. Membuat anggaran belanjawan ada-lah satu perkara yang membolehkan anggaran belanjawan itu berjalan dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam kedudukan Kerajaan sekarang ini, kita mengetahui daripada ucapan² Yang Berhormat sama ada di-pehak sana atau sini, hatta daripada Menteri², ada-lah satu perkara yang di-ketahui dan di-aku² bahawa Persekutuan ini di-dalam beberapa lapangan ada-lah kekurangan kaki-tangan bagi menjalankan ranchangan². Kita telah mendengar kesulitan² ini di-aku², maka saya, Tuan Yang di-Pertua, mendapati bahawa salagi tidak di-tugaskan pada kali ini oleh tiap² Kementerian daripada Dewan yang bertuah ini bahawa semua kekurangan² itu di-isi sa-hingga sampai kepada taraf Establishment perjawatan itu sendiri. Saya dapati usul ini akan di-luluskan dan perkara itu hendak-lah di-perhatikan oleh Kerajaan pada masa ini juga. Apabila dasar perchukiaan di-fikirkan, kita tertanya kenapakah kepada pehak pembangkang hanya minta perkhidmatan penambahan. tidak pernah mahu menunjukkan bagaimana menambah wang pada Kerajaan. Yang sa-benar-nya ini sa-mata² melemparkan perkataan, dan pehak pembangkang telah berkali² mengatakan dalam Dewan ini, perchukiaan hendak-lah di-lakukan lebih berat kepada pehak yang lebih tinggi pendapatan-nya. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam structure atau bentuk perchukiaan Persekutuan itu dengan naik-nya chukai rokok dan minyak, hampir semua terkena chukai dan sudah terpaksa-lah Kerajaan Persekutuan menambahkan tinggi ceiling bagi chukai pendapatan di-dalam negeri ini.

Saya fikir pemikiran ka-araf ini patut-lah di-jalankan dengan chermat oleh Kerajaan supaya jangan hanya 45 peratus kepada sa-saorang atau 55 peratus kepada sa-suatu gudang di-jadikan asas bahkan boleh di-lebihkan daripada itu. Mengurangkan perhatian kepada staff hanya akan menjadi anggaran belanja ini satu anggaran yang mempunyai anggaran, tetapi tidak mempunyai daya. Saya ingin, Tuan

Yang di-Pertua, menunjukkan mithal bagi kekurangan yang ada dalam staffing dalam Kementerian², umpamanya Kementerian Pelajaran ia-itu sa-buah Kementerian yang berkembang kapada tuntutan dan sa-buah Kementerian yang meminta tambahan, tetapi sa-buah Kementerian yang sentiasa kurang anggota²-nya bagi menjalankan tugas. Kita tahu dalam appendix C telah nyata kekurangan kaki-tangan² bagi melaksanakan kerja² dan appendix C itu menyatakan bahawa bertambah sesuai dengan perkembangan Kerajaan negeri ini.

Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, kenapa-kah Menteri Kewangan memandang soal pelajaran ini satu soal yang tidak begitu berat sa-hingga dia mengeluarkan perkataan yang berbunyi:

"It is my firm intention to ensure that this end is assured and for 1963 we have therefore allotted to the Ministry of Education no more than the absolute minimum required to meet essential commitments."

Nyata bahawa apa yang di-kehendaki oleh Menteri Kewangan ia-lah perkhidmatan pelajaran ini hendak-lah di-check perkembangan perjalanan-nya. Banyak orang memandang bahawa pelajaran ini bukan satu investment productive, tetapi dalam perkembangan sa-sabuah negara tidak boleh dipandang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berubah berchakap kapada Kementerian Kesihatan. Apabila saya lihat staff yang ada di-beri dalam Anggaran Belanjawan ini, maka nyata tambahan anggaran sangat sedikit—saya akan menyatakan satu persatu apabila meshuarat dalam Jawatan-Kuasa kelak. Boleh di-fahamkan bahawa kedua² Kementerian ini, termasuk Kementerian Kebajikan Masharakat, tidak membawa kapada penambahan hasil bagi negeri ini, tetapi Kerajaan lupa bahawa dengan ada-nya kedua² Kementerian ini-lah dengan chara tidak langsung penghidupan ra'ayat negeri ini akan bertambah lebih baik.

Satu daripada perkara yang patut di-hormati ia-lah apa yang di-jalankan bagi membenters tax evasion dalam negeri ini. Pelarian daripada membayar chukai, menurut Menteri Kewangan,

telah dapat di-kawal dan saya bagi pehak Persatuan Islam sa-Tanah Melayu bersama² dengan Kerajaan menguchapkan terima kasih kapada pegawai² yang telah menjalankan tugas mereka itu. Kita tidak mahu ada orang yang dapat melarikan diri daripada terkena chukai, atau daripada membayar chukai sa-banyak yang sa-mesti-nya dalam negeri ini. Dalam memperkatakan hal chukai ini, ada satu masaalah yang hendak saya minta supaya di-timbangkan oleh Kerajaan dalam Dewan ini. Masaalah-nya ia-lah berkechuali daripada chukai pendapatan. Kita telah melebarkan jala chukai pendapatan dalam sidang² kita yang telah lalu, dan kita telah melebarkan kehendak² berchukai, tetapi apabila baharu² ini chukai berkenaan dengan mempunyai rumah telah di-kemukakan oleh Kerajaan dan chukai itu telah menyebabkan, menurut Menteri Kewangan, tujuh ratus ribu ringgit kekurangan perbelanjaan pendapatan, maka yakin-lah saya bahawa perkara mengenakan chukai maseh boleh dikenakan sa-mula. Bagi maksud² itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan supaya Kerajaan menimbangkan perkechualian chukai kechil kerana menanggung orang tua. Menurut hak dan ugama yang ada dalam kebudayaan kita negeri ini, orang² tua mesti di-tanggung oleh anak-nya, atau pun saudara mara-nya. Maka saya berkehendakkan supaya Kerajaan membebaskan atau memberi perkechualian bagi tanggungan orang tua ini supaya tiap² sa-orang yang mempunyai bapa yang tidak menjalankan pekerjaan, yang telah tua dan tidak berharta, hendaklah di-beri *relief* yang menasabah. Ini, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah di-timbangkan sebab ini ada-lah satu chara hidup bagi kita di-negeri ini yang mesti di-aku² oleh Kerajaan negeri ini sendiri. Bentok Income Tax yang ada pada masa ini, nampak-nya tidak mahu mengendahkan keadaan ini, kerana kita telah mengikut ka-barat dan ka-baratan-lah chara hidup kita pula.

Sa-telah memperkatakan keadaan kewangan ini ada dua tiga perkara dasar yang terpaksa saya sebutkan dalam Dewan ini. Membentok sa-buah Kerajaan dan menjalankan-nya atas

dasar² yang tertentu ada-lah kewajiban pehak yang berkenaan. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, satu daripada dasar yang di-jalankan oleh Kerajaan ia-lah membulatkan ta'at setia ra'ayat negeri ini kepada negeri ini. Saya di-sini suka menyatakan kekesalan yang tidak kechil atas apa yang telah berlaku daripada sa-orang Yang Berhormat Menteri dari Kerajaan ini yang menchadangkan supaya di-adakan satu Dewan Chandra Bose di-Persekutuan Tanah Melayu. Ini merupakan satu perkara yang menunjukkan pechah keta'atan dan menunjukkan tanda malu yang dahulu ada pada dia sendiri. Keadaan saperti ini di-biarkan berlaku apa-tah lagi saperti sa-orang Yang Berhormat Menteri itu mendudoki di-bangku Kerajaan yang mempunyai dasar yang tertentu dalam masaalah Kerajaan dalam negeri ini. Soal ini berkepanjangan ia-itu timbul di-dalam satu rupa yang baharu apabila MIC membuat keputusan bahawa dia juga mahu supaya bahasa Tamil di-jadikan Bahasa Rasmi. Saya hairan kenapa kawan² saya di-sabelah sana tidak mahu menyebutkan perkara ini, barangkali "kena mata di-pichingkan dan kena perut di-kempeskan". Tuan Yang di-Pertua, perbuatan yang saperti ini ada-lah menodai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang berharap dengan tegas supaya terbentok satu bangsa yang berpegangan asas Bahasa Kebangsaan yang telah di-tetapkan dalam negeri ini. Kita telah dapat melihat dalam Dewan ini, oleh kerana kurang tegas Kerajaan, beberapa perkataan yang di-lapadzkan oleh Ahli Yang Berhormat, yang bukan sahaja berlawanan dengan semangat bahasa dalam negeri ini, tetapi berlawanan dengan kenyataan yang di-tegaskan dalam Perlembagaan itu. Kita telah melihat keberanian orang menentang Bahasa Kebangsaan, ia-itu Yang Berhormat² dari Ipoh dan Telok Anson dan MIC. Alang-kah ramai mereka ini menunjokkan belang-nya dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ada-lah puncha undang² yang akan membolehkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu membuat satu ketegasan dalam hal ini.

Yang Berhormat dari Seberang Utara telah mengatakan ini ada-lah satu chabaran kapada Kerajaan, bagitu juga kenyataan dari Tuan Syed Nasir yang di-keluarkan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat perchaya ia-itu Kerajaan akan menerima chabaran ini. Perchaya atau tidak perchaya tidak-lah menjadi soal kapada saya. Tetapi, saya menuntut supaya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada hari ini mengambil langkah yang tegas supaya terjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan dalam negeri ini.

Apabila saya lihat di-dalam Order Paper yang di-kemukakan (Pada Permulaan Urusan Meshuarat) ada sa-buah Rang Undang² yang di-kemukakan bernama "Rang Undang² Bahasa Kebangsaan". Tetapi, apabila saya dengar Setia-Usaha Majlis ini mengemukakan-nya, tahu-lah saya bahawa Rang Undang² itu ia-lah Rang Undang² script Bahasa Kebangsaan. Maka yang mustahak-nya, Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya Rang Undang² Script Bahasa Kebangsaan, tetapi satu Rang Undang² yang menjamin kehormatan Bahasa Kebangsaan yang chukup sempurna bagi mengawal kehormatan-nya dari segala segi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak akan dapat di-jayakan chita² Bahasa Kebangsaan di-negeri ini, melainkan mempunyai Rang Undang² yang tertentu. Lagi berapa tahun sahaja hal ini hendak di-laksanakan. Maka saya suka supaya di-perhatikan oleh Kerajaan bahawa ranchangan hendak-lah di-buat. Tidak-lah chukup dengan mengatakan bahawa kami telah mengadakan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan. Tetapi, hendak-lah di-buat bahawa pada tahun ini sa-tengah² jabatan hendak-lah di-jalankan dalam Bahasa Kebangsaan dan pada tahun akan datang semua jabatan hendak-lah di-jalankan dalam Bahasa Kebangsaan, sa-hingga sampai-lah kapada Mahkamah. Saya maseh ingat ia-itu Yang Berhormat Menteri Kehakiman telah memberi kenyataan dalam Dewan ini dahulu bahawa Bahasa Kebangsaan itu akan berjalan sadikit demi sadikit. Maka perkataan yang di-kemukakan

oleh Yang Berhormat dari Ipoh, itu patut-lah Yang Berhormat Menteri Kehakiman memikirkan sama ada dia berkesanggupan membuat apa yang di-katakan-nya atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, mendaulatkan Bahasa Kebangsaan tidak-lah boleh di-pisahkan daripada mendaulatkan pelajaran kebangsaan dalam negeri ini. Kerajaan telah membuat saloran pelajaran dengan ada-nya sekolah kebangsaan. Saya ada Penyata Aminuddin Baki ia-itu Penyata Jawatan-Kuasa Menyemak Keputusan Pepereksaan Masok Sekolah Menengah bagi sekolah kebangsaan, yang konon-nya di-katakan sulit. Ada-lah di-sebutkan dengan jelas bahawa dalam tahun 1958 hingga 1960 peratus peruntukan kepada sekolah kebangsaan daripada jumlah 18 juta itu ada-lah 35.8 peratus sahaja berbanding dengan 56 peratus yang telah di-belanjakan untuk sekolah Inggeris. Amat-lah mustahak bagi Kementerian Pelajaran menyemak dasar peruntukan pembinaan dan pembangunan tiap² tahun supaya kehendak sekolah kebangsaan dapat di-penuhi.

Tidak-lah kita ketahuī apa yang berlaku sa-sudah itu, tetapi pandangan yang saperti ini ada-lah baik walau pun Jawatan-Kuasa itu tidak puas hati tentang layanan yang telah berlaku dalam tahun 1958-60, sebab orang membuat Penyata ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah orang yang tahu isi, dasar dan rahsia dalam Kementerian, maka mereka itu membuat satu kenyataan yang demikian. Sa-telah menyatakan kedudukan ini maka Jawatan-Kuasa itu telah menyebutkan dengan ikhlas: saya minta supaya Kerajaan memandang dengan halus soal pelajaran kebangsaan ini. Dalam muka 33 (b) kata-nya: Kementerian Pelajaran hendak-lah menempatkan chukup bilangan guru di-sekolah kebangsaan mengikut kadar perjawatan tiap² sekolah. Saya perchaya hal ini akan di-ambil berat oleh Kementerian. Tetapi kedaulatan Bahasa Kebangsaan itu hanya dapat di-penuhi sa-kira-nya ini di-lakukan dengan tidak menunggu waktu dan berlengah² lagi. Di-dalam cheraian (e), Tuan Yang di-Pertua, berkata lah jawatan kuasa ini dengan tegas: Tinggikan nilai sekolah kebang-

saan dengan memberi segala keutamaan supaya ibu-bapa mahu memilih pelajaran yang berbahasa penghantar bahasa Melayu. Peluang bekerja bagi mereka yang berkelulusan dalam bahasa Melayu hendak-lah di-perluaskan. Saya setuju dengan Penyata ini, dan ini-lah jiwa menghormati Bahasa Kebangsaan yang mesti di-lakukan oleh Kerajaan pada masa ini. Boleh-lah Kerajaan menyatakan bahawa perkara ini akan di-buat, tetapi jangan-lah lupa bahawa Penyata ini baharu di-keluarkan.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Sir, on a point of information. May I know who stated that the MIC wants Tamil to be on the same status as the National Language?

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, agak-nya Yang Berhormat itu tidak ada di-sini—ta' payah saya jawab. Tuan Yang di-Pertua, ini-lah kedudukan perkara ini yang mesti-lah di-fikirkan oleh Kerajaan dan di-isikan supaya jangan-lah semua perkara di-serahkan kepada "penyiasatan", dan apabila di-siasat tidak di-jalankan.

The Minister of the Interior (Dato' Dr Ismail): Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Ipoh, during his intervention in the debate, touched on the arrest and detention of persons without trial which, according to him, "is a denial of democratic right." I have no doubt that the Honourable Member for Ipoh is referring to the arrest and detention of persons without trial as provided under the Internal Security Act. I must, therefore, explain that the object of the Internal Security Act is to provide for the internal security of the Federation, preventive detention, the prevention of subversion, the suppression of organised violence against persons and property in specified areas of the Federation, and for matters incidental thereto. Now, whatever action taken, under the Internal Security Act, is carried out in the national interests with the sole purpose of safeguarding democracy in this country. A person is detained for

what, it is considered, he may reasonably be expected to do—and not for what he has proved beyond doubt to have done. He is detained because he represents a risk to the security of the country. The Government will not spare any effort to ensure that democratic practices will be maintained, so that the Federation shall remain a democratic country. Here, I would like to assure the House again that the power of the Government to order the detention of any person has never been abused. On the arrest and detention of a person, every effort is made to achieve his release as soon as he is no longer a risk to the security of the country.

In previous debates in this House, references have already been made to the fact that legislation which permits preventive detention exists in other countries, such as India and Singapore where indeed the grounds for detention are more extensive than those provided in this country. The use of preventive detention is solely designed for those who may wish to destroy democracy and to demonstrate their disloyalty to this country. It would, therefore, be surprising that anyone claiming to uphold the democratic right of a loyal citizen should want to question the Government's right in its efforts to safeguard the security of the Federation against those who are seeking to achieve by subversive means the overthrow of democracy in this country.

The Honourable Member for Ipoh has also attacked my colleague, the Minister of Justice, by alleging that the Minister has recently said that the highest figures for crime were those in respect of Ipoh. According to him, Kuala Lumpur was first, Penang second, and Ipoh third. He has alleged that this information is in accordance with Government's statistics. The Honourable Member for Dato Kramat also cited crime figures which were supplied to him by my Ministry. According to crime figures covering the three States in which the major towns were mentioned—for the year 1961—my calculation of crime figures covering murder, attempted murder, voluntarily causing hurt, gang robbery, robbery, and extortion indicates that

Perak has the distinguished honour of taking the lead, followed by Selangor as a good second, and Penang third in the order of priority. (*Laughter*). I have not the figures of crime committed within the confines of the major towns of Ipoh, Kuala Lumpur, and George Town, but if the figures covering the three States are a good indication, then my colleague the Minister of Justice has made a reasonably good deduction.

Sir, I do not wish to belabour you with figures, but as far as the Government is concerned, it is not denied that there has been an increase in crime, according to the figures we have for 1960, 1961 and the first half of 1962 in the Federation generally. I am glad to say that we have at no stage adopted a complacent attitude and measures have been taken and are being taken to suppress these crimes. In this direction, we have introduced and tightened up where necessary legislation which will check the increase in crime; and we will not hesitate to introduce further appropriate legislation, if and when circumstances warrant. I am well aware that the Police have done and are doing all they possibly can to curb this menace. They have increased their beats and patrol coverage in areas where there are secret society elements. They have carried out raids on known secret society and gang hide-outs. They have increased their surveillance on known bad characters, Police supervisees and restricted persons, and have improved their network of collecting and collating information. It is regrettable, however, to note that the major section of the populace has not as yet begun to play their full part expected of them in assisting the authorities in the suppression of these crimes. This House will agree with me that without the co-operation of the public it will be extremely difficult for the Police to carry out their task in suppressing crime. I am glad, however, to note that the co-operation of the public has reasonably improved. However, if we are to stamp out this menace, then I would appeal to the public to give full co-operation to the Police Force. (*Portion of speech expunged*).

Now, Sir, another Member of the Socialist Front—no doubt, their spokesman on foreign affairs—the Honourable Member for Setapak gave us a dissertation on co-existence. He said that all countries subscribe to the principle of co-existence. Sir, the word “co-existence” has been so abused by the iron curtain countries that co-existence now has the meaning given to it by the iron curtain countries. The iron curtain countries’ idea of co-existence is, “You co-exist according to our principle; we have the right to subvert you, so that you must conform to our idea of co-existence.” In other words, it means “You can only co-exist if you are communists like ourselves.”

Let us take the case of communist China. At the Bandung Conference that country subscribed to the *Pancha Sila*, and one of the tenets of *Pancha Sila* is peaceful co-existence. Communist China has no greater friend than India. In fact, at every session of the United Nations, the former Minister for Defence never tired of championing the cause of communist China—but what has happened to India? The Chinese idea of co-existence is that, “I have the right to seize your territory; you must capitulate; then we co-exist.” (*Laughter*). That is co-existence according to the communists’ concept.

Here, in Malaya, we have had 12 years of communists fighting against us. Now, we are in the midst of communist subversion. Yet the Honourable Member for Setapak here accused the Prime Minister and said that we should co-exist with the communists. If the Honourable Member would like to co-exist with the communists, let him go to the place where he can co-exist with them. I am sure that the majority of the people in this country, so long as the communists continue their present practice, their present concept of co-existence, will not co-exist with them. To us co-existence means, “Let us live in peace; let us compete with one another; and if you think your system is superior to ours, let the people decide,” but not to go and subvert democracy and at the same time talk of co-existence.

We have many instances of the communists speaking of co-existence but at the same time subverting the very principle of peaceful co-existence. The word “co-existence” has now been so much abused that many democratic countries do not prefer to use that word any more. It would be better that we choose words that convey their true meanings. If the Honourable Member for Setapak, and the Honourable Member for Tanjong too, if they really have the interests of peaceful co-existence at heart, then instead of supporting Chou En Lai they should advise Chou En Lai to withdraw from Indian territory to demonstrate that communist China has no intention of subverting countries which like to adopt their own form of government. If those Honourable Members were to do this, they would at least demonstrate that they really wanted peace—peace with justice and not peace at any price. It is easy to have peace, if you want peace at any price. It is easy to say to India, “If you want peace at any price, give up your territory to communist China. Why quarrel over that small piece of land? China likes co-existence, you surrender that territory and co-exist.”

I am most surprised at the behaviour of an Honourable Member of the Socialist Front in this very Parliament, where it is agreed that any resolution passed by the majority is the law of the country. Though I do not expect Members of the Socialist Front to agree with the policies of the Government, or with the laws of the country but, at least, when once a law is passed, then no matter what political party a Member of Parliament belongs to he must obey that law. However, I am most surprised that in this House a Member should read a telegram from the Prime Minister of a country which this country does not recognise. That is contrary to Parliamentary democracy. I would like to say that in a parliamentary democracy, the Opposition is often referred to as “the loyal Opposition”; though that does not mean that it must be loyal to the Government in power, but it does mean that it must be loyal to the laws passed by Parliament; and as

at the moment the Alliance Government does not recognise communist China, so he should not have the audacity to read the telegram from Chou En Lai in this House. Thank you. (*Applause*).

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak): Mr Speaker, Sir, I would only wish to reply to the criticisms and comments made by Honourable Members in this debate on the Budget on a number of matters affecting rural development, defence and some of the spheres of Government activities.

Now, Sir, the Honourable Member for Dato Kramat has criticised the Government Rural Development Plan as being an eye-wash, and he repeated what his colleague, the Member for Tanjong, said on the debate of the Development Estimates—that it was a plan for poverty. It is obvious, Sir, that the great success of the Government Rural Development Plan has worried the Members of the Socialist Front. The less fortunate people in the kampongs and in the new villages have now realised the benefits they are getting from the Alliance Government's Rural Development Plan. They have realised that the Government is in earnest in providing them with the amenities of life in order to help them to improve their standard of living. Now, one has only to go to the kampongs and new villages to see how much these people appreciate what the Government is doing, and as a result they are asking for more and more amenities.

On the Government land development schemes, which both the Honourable Member for Dato Kramat and the Honourable Member for Tanjong have criticised as being plans for poverty, they are really a boon to the landless. The statements made by these two Honourable Members are not the feelings of the kampong people in their own areas, because at the moment in Penang we have a waiting list of over a thousand applicants who have been impatiently demanding that they be given an opportunity to become settlers in the Federal Land Development Authority schemes, as they have heard

from the 300 Penang farmers who have already settled very happily on land development schemes throughout the Federation. They have heard that these schemes are worth-while, and these settlers have now informed their friends that they should apply for these schemes too.

Now, Sir, the policy of the Alliance Government is to give land to the landless, to give them a pride of ownership. The accusation that most of the settlers are in need is quite untrue and unfounded. Under the old pre-Merdeka system before a person can own land he has to save a tremendous amount of money to be able to pay for premium, for survey fees, for fertilizer and also for building a house. But since Merdeka the landless can go into a Federal Land Development Authority scheme as potential owners and obtain land, etc., straightaway. The settlers are not in debt as the Government is advancing them the payments to become potential owners, so that they can enjoy with pride the fruits and the gains of becoming land-owners immediately without having to wait for so many years. In fact, our system is really a hire purchase system of giving an opportunity to the poorest of the poor to own land which under normal conditions he would not be able to own. In fact, no other country provides such an opportunity as is offered by the Alliance Government. (*Applause*).

Now, Sir, in addition to these credit facilities as potential land owners, settlers in Government land development schemes are given the added advantages of having access roads, educational facilities for their children, health services, community centres, co-operative stores, bus services, water supplies, processing and marketing facilities. Now, Sir, I have been to almost all these land schemes, and I have found on the whole that the settlers are very satisfied. However, there have been one or two cases where the settlers have been stirred up by outside political elements and they generally come from the Opposition Parties. As a result of this outside influence, the settlers have shown an

attitude of indiscipline and lack of co-operation towards the Manager. But on the whole, the settlers are happy having obtained new homes, a new way of life, a life pregnant with possibilities of higher and better standard of living. It is also true that settlers can definitely obtain an income of at least \$10 a day. The policy is to give each holder an economic holding of approximately ten acres. Now, seven to ten acres of rubber or oil palm can produce a net income of \$3,000 to \$6,000 a year. However, Sir, such incomes are not automatic and they need energy, hard work and enthusiasm by the settlers concerned.

Now, Sir, visitors come from overseas and we do have them almost every other day. From many countries visitors have come here especially to inquire into this Federal land system of land settlement. They have examined the system in detail and have praised it at considerable length and they have returned to their own countries with a view to adopting the same system. We have also heard from experts on economic planning from many countries who have nothing but praise for what we are doing. It is, therefore, not possible for these land schemes to be as bad as Honourable Members of the Opposition allege them to be when, in fact, so many countries are so keen, after critical examination, to adopt similar schemes as were originated by the Alliance Government.

Now, Sir, I consider it most unfair for the Opposition Members to make allegations of corruption in the F.L.D.A. It is not fair for Members of this House, especially for the Honourable Member for Tanjong, to make vague allegations hinting corruption without their being substantiated by evidence. These allegations are unfair to the officers concerned who are unable to defend themselves in this House and who, in fact, are now doing extremely good work and are doing their best in the services of our country. (*Applause*).

The Honourable Member for Ipoh, Sir, again made the allegation that the rural development plan is meant for one group of people, that is the

Malays. Once again, Sir, I must say that this statement is untrue and cannot be substantiated by facts. People in the New Villages have not been denied the benefits of the rural development as alleged by the Honourable Member. Government funds have been given each year by the Ministry of the Interior, and the State Governments have given money by way of grants to aid Local Councils, and considerable development has taken place in many New Villages. Recently, however, a decision was taken to include a special page in the Red Book for New Villages and Local Council areas in order to bring these New Villages closer into the administrative machinery; and by doing so it will be possible to enhance the work of rural development in these areas.

Sir, the Honourable Member for Seberang Selatan stated that the Ministry of Works has completed two-third of the work in the Five-Year Plan. I am very grateful, Sir, for the compliment he has paid to this Ministry, and I think it is not only in the Ministry of Works but also it is in many other Ministries that work has been well up to schedule, and this reflects well on the efficiency of the machinery of Government as set up by the Alliance Government. That is why we are able to carry out our development programme with the success that I have already stated.

In addition, Sir, officers of the Government in all departments have worked well, and I can assure this House that all officers have worked well without being given any commission for what they have done. They have worked loyally, faithfully and sincerely for the interest of our country and I think all of us must be very grateful to them for the way they have served our country.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab pandangan terhadap pembangunan Ranchangan Luar Bandar yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa sa-tengah² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu di-jalankan

dengan terburu², dengan sebab itu banyak wang Kerajaan terbuang sahaja. Saya suka menerangkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini ada-lah berjalan dengan terator, lichin dan sempurna seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan, akan tetapi ranchangan² yang baik ini ada-lah di-dapati dalam 10 buah negeri sahaja, melainkan negeri Kelantan. (*Hear! Hear!*) Saya tidak dapat bertanggung jawab berkenaan dengan ranchangan² negeri Kelantan, kerana Kerajaan negeri Kelantan tidak memberi kerjasama, dan juga tidak memberi pandangan yang sempurna daripada dasar Kerajaan Perikatan terhadap Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Jikalau ada ranchangan² di-negeri Kelantan di-jalankan dengan tidak sempurna, maka tanggung jawab bagi menjaga dan memerhatikan ranchangan² ini ia-lah Kerajaan Kelantan sendiri (*Hear! Hear!*).

Rancangan Pembangunan Luar Bandar ada-lah di-jalankan menerusi Kerajaan Negeri dan di-bawah kawalan Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri yang di-pengerusikan oleh Menteri Besar, dan juga di-bawah jagaan Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar Jajahan dan wakil ra'ayat yang menjadi ahli-nya. Dari itu, kalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mendapati Rancangan Pembangunan Luar Bandar di-kawasan-nya tidak berjalan dengan sempurna, maka menjadi tanggung jawab bagi diri-nya sendiri bagi membetulkan perjalanan ranchangan itu. (*Tepok*). Begitu juga berkenaan dengan perjalanan kelas dewasa di-negeri Kelantan. Kerajaan Kelantan tidak memberi pengakuan kepada kelas dewasa, dan saya tahu ada menjalankan langkah hendak merosakkan perjalanan kelas dewasa yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan. Tujuan Kerajaan Perikatan mengadakan kelas dewasa ada-lah sa-mata² bagi memberi peluang kepada ra'ayat² di-kampong supaya tahu membaca dan menulis, tetapi Kerajaan PAS tidak menerima dan tidak memberi akuan kepada kelas dewasa itu. Sungguh pun

bagitu oleh sebab Kerajaan Perikatan memikirkan kepentingan ra'ayat negeri Kelantan telah chuba juga dengan sa-berapa daya upaya bagi menjalankan kelas dewasa itu walau pun tidak mendapat kerjasama dari Kerajaan Negeri Kelantan.

Berkenaan tuduhan bahawa guru² Kelas Dewasa di-negeri Kedah di-kehendaki mengajar tiga buah kelas, saya suka hendak menerangkan bahawa daripada jumlah 1,861 orang guru sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan yang mengajar di-Kelas Dewasa, hanya 9 orang sahaja yang di-kehendaki mengajar tiga buah kelas. Dalam negeri Kedah hanya sa-orang yang di-kehendaki mengajar tiga buah kelas. Jadi, saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah tuduhan² yang di-datangkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu tidak benar menurut keterangan² yang saya beri ini.

